

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU DI NEGERI SELANGOR

1. PENDAHULUAN

Garis Panduan ini dinamakan sebagai Garis Panduan Penggunaan Masjid dan Surau Negeri Selangor yang diluluskan oleh Majlis Agama Islam Selangor sebagai panduan kepada semua orang Islam dan bukan Islam mengenai fungsi masjid dan surau, peraturan, larangan dan adab-adab memasuki masjid.

2. TAFSIRAN

“**Enakmen**” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

“**Kaedah-kaedah**” ertinya Kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001.

“ **Masjid**” menurut seksyen 2 Enakmen ertinya masjid suatu bangunan :-

- a) yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam; dan
- b) yang penggunaannya sebagai yang sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 98, dan termasuklah mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu.

“**Ruang Solat Utama**” ertinya ruang dewan yang secara `uruf digunakan untuk solat fardhu berjemaah, solat Jumaat dan solat sunat yang lain.

3. DASAR-DASAR

3.1 Penggunaan Masjid Dan Surau

Masjid dan surau di seluruh Negeri Selangor hendaklah ditadbir sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Kaedah 34(1) yang menyatakan bahawa masjid hendaklah digunakan sebagai :-

- (a) Tempat untuk orang-orang Islam beribadat, terutamanya untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan solat Jumaat ;
- (b) Pusat kegiatan Agama Islam dan penyebaran dakwah ; dan
- (c) Pusat sumber maklumat penduduk dan maklumat tentang MAIS dan maklumat lain.

Manakala Kaedah 34 (2) menyatakan bahawa masjid tidak boleh digunakan sebagai :-

- (a) Gelanggang politik yang boleh menyakiti dan memecahbelahkan perpaduan ummah;
- (b) Hotel, rumah tumpangan atau tempat penginapan dan kegiatan berkaitan hiburan.

3.2 Tauliah Ceramah dan Mengajar Agama Islam

Subseksyen 119 (1) Enakmen menyatakan bahawa mana-mana orang yang mengajar Agama Islam atau perkara tentang Agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 118 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

3.3 Pegawai Masjid Dan Jawatankuasa Kariah

- (a) Subkaedah 6 (1), Kaedah-kaedah menyatakan bahawa setiap masjid hendaklah ditadbirkan oleh Pegawai Masjid dan suatu Jawatankuasa Kariah.
- (b) Selaras dengan perenggan 15 (1) (a) Kaedah-kaedah, menyatakan bahawa Nazir sesuatu masjid hendaklah mengetuai pengurusan dan pentadbiran masjid itu.
- (c) Dalam melaksanakan tugas-tugasnya, Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) seperti yang tertakluk kepada Seksyen 103 Enakmen dan Kaedah 6 (4), Kaedah-kaedah.

3.4 Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

Pada 28 Ogos 2010, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah menitahkan bahawa orang bukan Islam **tidak dibenarkan untuk memasuki ruang solat utama** semua masjid dan surau dalam Negeri Selangor atau mengadakan apa-apa acara di dalamnya.

Mana-mana orang yang didapati bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah, atau mengingkari, melanggar, atau mempertikaikan titah DYMM Sultan Selangor ini boleh didakwa di bawah seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

3.5 Hukum Pelancong Bukan Islam Masuk Ke Dalam Masjid

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Kali Ke 90 mengenai Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid dan Ruang Solat Utama di dalam Masjid menyatakan;

Pelancong Bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan syarat mendapat keizinan pihak pengurusan masjid dan perlakuan serta tingkahlaku mereka tidak mencemarkan masjid dan sentiasa terkawal dan beradab.

4. ADAB-ADAB DI DALAM MASJID

Adab-adab berkaitan masjid ini bermula dari langkah pertama menuju ke masjid sehinggalah melangkah keluar dari masjid. Di antara adab tersebut ialah :

4.1 Berdoa Ketika Keluar Dari Rumah Menuju Ke Masjid

بِسْمِ اللَّهِ ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Maksudnya : *Dengan nama Allah, aku menyerahkan diriku kepada Allah dan tidak ada daya dan kekuatan melainkan dengan izin Allah.*

Digalakkan membaca doa ketika melangkah keluar dari rumah samada untuk ke masjid atau ke surau atau ke mana-mana sahaja untuk menjalankan tugas mencari rezeki. Hadis sahih riwayat Muslim, bahawa Rasulullah s.a.w ketika keluar rumah untuk pergi ke masjid, baginda membaca doa:

اللَّهُمَّ اجْعَلْ فِي قَلْبِي نُورًا ، وَفِي لِسَانِي نُورًا ، وَفِي سَمْعِي
نُورًا ، وَفِي بَصَرِي نُورًا ، وَمِنْ فَوْقِي نُورًا ، وَمِنْ تَحْتِي نُورًا ،
وَعَنْ يَمِينِي نُورًا ، وَعَنْ شِمَالِي نُورًا ، وَمِنْ أَمَامِي نُورًا ،
وَمِنْ خَلْفِي نُورًا ، وَاجْعَلْ فِي نَفْسِي نُورًا

Maksudnya : *Ya Allah Ya Tuhanku! Jadikanlah (nur) cahaya dalam hatiku, pada lidahku, pada pendengaranku, pada penglihatanku, pada atasku, pada bawahku, pada kananku, dari kiriku, di depanku dan di belakangku. Ya Allah Ya Tuhanku, berikanlah nur (yang menerangi seluruh hidupku).*

4.2 Doa Masuk Ke Dalam Masjid

Apabila hendak masuk ke dalam masjid disunatkan membaca doa :

اللَّهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

Maksudnya : *Ya Allah ! Bukakanlah bagiku pintu-pintu rahmatMu.*

Rasulullah s.a.w bersabda :

عَنْ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ سَعِيدِ بْنِ سُوَيْدٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا حُمَيْدٍ أَوْ
أَبَا أُسَيْدٍ الْأَنْصَارِيَّ يَقُولُ ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ الْمَسْجِدَ فَلْيُسَلِّمْ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ

عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ثُمَّ لِيَقُلَ اللَّهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ فَإِذَا خَرَجَ
فَلْيَقُلْ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ (رواه أبو داؤد)

Maksudnya : *Daripada Abdil Malik bin Said bin Suaid telah berkata, aku mendengar Aba Humaid atau Aba Usaid Al-Ansori berkata, Rasulullah s.a.w telah bersabda : Apabila seseorang dari kamu masuk ke dalam masjid, hendaklah ia (berselawat) dan mengucapkan salam kepada Nabi Muhammad s.a.w, kemudian hendaklah ia berdoa : Ya Allah, bukannya bagiku pintu-pintu rahmatMu.*

Kemudian berilah salam kepada orang-orang yang tidak solat (orang-orang yang sedang duduk beristighfar) atau jika tiada orang ucapah :

السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ

Maksudnya : *Salam sejahtera ke atas kami dan kepada sekalian hamba-hamba Allah yang soleh.*

4.3 Melangkah Dengan Kaki Kanan Apabila Masuk Ke Dalam Masjid

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : مِنَ السُّنَّةِ إِذَا دَخَلْتَ
الْمَسْجِدَ أَنْ تَبْدَأَ بِرِجْلِكَ الْيُمْنَىٰ وَإِذَا خَرَجْتَ أَنْ تَبْدَأَ بِرِجْلِكَ
الْيُسْرَىٰ. (رواه الحاكم)

Maksudnya : *Daripada Anas bin Malik R.A. berkata : "Termasuk di dalam sunnah ialah kamu memasuki masjid dengan melangkah menggunakan kaki kanan dan keluar dari masjid dengan melangkah menggunakan kaki kiri".*

4.4 Berwudhuk Terlebih Dahulu Sebelum Masuk Ke Dalam Masjid

Sebelum masuk ke dalam masjid, kita disunatkan untuk mengambil wudhuk berdasarkan kepada hadith riwayat Imam Muslim berikut :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ ، ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتِ مَنْ بُيُوتِ اللَّهِ لِيَقْضِيَ فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ ، كَانَتْ خَطْوَتَاهُ إِحْدَاهُمَا تَحُطُّ خَطِيئَةً ، وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ دَرَجَةً .
(رواه مسلم)

Maksudnya : *Daripada Abi Hurairah r.a berkata, Rasulullah s.a.w telah bersabda : Sesiapa yang bersuci (berwudhuk) di rumahnya, kemudian ia berjalan menuju ke rumah Allah untuk menunaikan solat fardu. Setiap satu langkahnya akan menghapuskan dosa dan langkah yang lain akan mengangkatnya satu darjat.*

4.5 Berniat Iktikaf

Apabila seseorang itu masuk ke dalam masjid, disunatkan untuk berniat iktikaf. Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 125 :

وَعَهَدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنْ طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْعَاكِفِينَ
وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ

Maksudnya : “ dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjid Al-Haraam dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, dan

orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya), dan orang-orang yang rukuk dan sujud”.

4.6 Mendirikan Solat Sunat Dua Rakaat

Apabila seseorang itu telah masuk ke dalam masjid, maka disunatkan melaksanakan solat tahiyatul masjid. Nabi s.a.w bersabda :

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ السَّلَمِيِّ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
قَالَ: إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ الْمَسْجِدَ فَلْيَرْكَعْ رَكَعَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ
يَجْلِسَ
(رواه البخاري)

Maksudnya : *Daripada Abi Qatadah As-Salami, bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda : “Apabila seseorang di antara kamu masuk ke dalam masjid, maka dirikanlah solat (sunat tahiyatul masjid) dua rakaat sebelum duduk”.*

Sekiranya sewaktu masuk, imam sedang membaca khutbah Jumaat, maka dirikanlah solat sunat dua rakaat (solat sunat Qobliah Jumaat).

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَخْطُبُ النَّاسَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَقَالَ: أَصَلَّيْتَ يَا فُلَانُ قَالَ
لَا قَالَ قُمْ فَارْكَعْ رَكَعَتَيْنِ.
(رواه البخاري)

Maksudnya : *Dari Jabir bin Abdullah berkata , telah datang seorang lelaki ketika Nabi Muhammad s.a.w sedang berkhotbah kepada para muslimin pada hari Jumaat dan baginda bersabda : Adakah kamu telah mendirikan*

solat (solat sunat Qobliah Jumaat), lelaki tersebut menjawab : Tidak. Baginda bersabda : Bangunlah dan dirikanlah solat dua rakaat (solat sunat Qobliah Jumaat)”.

4.7 Membaca Al-Quran, Berzikir dan Berselawat

Digalakkan kepada setiap orang yang memasuki masjid untuk melaksanakan amalan-amalan sunat seperti membaca Al-Quran, berzikir dan berselawat. Rasulullah s.a.w bersabda :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
الْمَلَائِكَةُ تُصَلِّي عَلَى أَحَدِكُمْ مَا دَامَ فِي مُصَلَّاهُ الَّذِي صَلَّى فِيهِ
مَا لَمْ يُحَدِّثْ ، تَقُولُ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ

(رواه البخاري)

Bermaksud : *Daripada Abi Hurairah bahawasanya Rasulullah s.a.w bersabda, malaikat-malaikat itu berdoa kepada seseorang kamu, selama ia masih berada di tempat solatnya dengan berdoa : Ya Allah ampunilah dosanya, Ya Allah kasihanilah dia. (malaikat sentiasa berdoa begini) selama mana dia tidak berhadass.*

Semasa duduk di dalam masjid, hindarkan daripada bercakap-cakap dan berbual-bual tentang hal-hal keduniaan.

4.8 Menjaga Kebersihan

Ibadah yang sempurna hanya dapat didirikan di tempat yang bersih dan suci. Jika masjid ataupun surau berada di dalam keadaan yang kotor, sudah tentu segala ibadah yang dilakukan tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Oleh yang demikian itu, setiap jemaah bertanggungjawab terhadap kebersihan masjid, tempat berwuduk dan tandas masjid.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
إِنَّ هَذِهِ الْمَسَاجِدَ لَا تَصْلُحُ لِشَيْءٍ مِنْ هَذَا الْبَوْلِ وَلَا الْقَذْرِ
إِنَّمَا هِيَ لِذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَالصَّلَاةِ وَقِرَاءَةِ الْقُرْآنِ

(رواه مسلم)

Maksudnya : *Daripada Anas bin Malik sesungguhnya Rasulullah saw bersabda : Sesungguhnya masjid-masjid ini tidak boleh membuang air kecil atau kotoran. Adapun masjid adalah tempat mengingati Allah, bersolat dan membaca Al Quran.*

4.9 Memakai Pakaian Bersih dan Memakai Bau-bauan Ketika Pergi Ke Masjid

Di antara amalan yang digalakkan bagi seseorang semasa pergi ke masjid ialah memakai pakaian yang kemas dan bersih serta memakai bau-bauan terutamanya pada hari Jumaat dan Hari Raya. Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-A'raf ayat 31 :

﴿ يَبْنَى ءآءَم ُءُءُوا زِيءَتَكُمُ عِنءَ ؕلِّ مَسْءِءٍ وَّءُلُوا وَّأَشْرَبُوا وَّلَا تُسْرِءُوا ۝﴾

إِنَّهُ رَلَا تُءِبُّ الْمُسْرِءِينَ ﴿٢٠﴾

Maksudnya “ Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat lbadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang Yang melampaui batas ”.

4.10 Menghormati Seruan Azan Yang Dikumandangkan

Jika seseorang masuk ke dalam masjid dan muazzin sedang mengumandangkan azan, hendaklah ia berdiri serta menjawab azan. Setelah selesai azan, solat sunat dua rakaat tahiyatul masjid boleh dilakukan.

5. PERKARA-PERKARA YANG DILARANG KETIKA BERADA DI DALAM MASJID

Setiap orang yang datang ke masjid hendaklah mematuhi adab-adab yang telah dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. Perkara ini adalah sangat penting bagi mengelakkan daripada berlakunya perbuatan-perbuatan yang dilarang antaranya :

5.1 Mencari Barang Yang Hilang Di Dalam Masjid

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ، مَوْلَى شَدَّادِ بْنِ الْهَادِ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ سَمِعَ رَجُلًا يَنْشُدُ ضَالَّةً فِي الْمَسْجِدِ فَلْيَقُلْ لَا رَدَّهَا اللَّهُ عَلَيْكَ، فَإِنَّ الْمَسَاجِدَ لَمْ تُبْنَ لِهَذَا (رواه مُسْلِمٌ)

Maksudnya : *Daripada Abi Abdillah, Maula Shaddad bin Ilhad, Sesungguhnya dia telah mendengar Abu Hurairah berkata bahwa Rasulullah s.a.w telah bersabda: Sesiapa mendengar seseorang mencari barang hilang di masjid, maka hendaklah dia mengatakan, Allah tidak akan mengembalikannya kepadamu. Sesungguhnya masjid ini tidak dibangun untuk itu.*

5.2 Melintas Di Hadapan Orang Yang Sedang Solat

Sekiranya terdapat seseorang yang sedang menunaikan solat, dilarang melintas di hadapannya. Sabda Rasulullah s.a.w :

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنَ النَّاسِ، فَأَرَادَ أَحَدٌ أَنْ يَجْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ، فَلْيَدْفَعْهُ، فَإِنَّ أَبِي فُلَيْقَاتِلَهُ، فَإِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ (رواه البخارى)

Maksudnya : *Daripada Abi Said al Khudri berkata: Aku mendengar Nabi s.a.w bersabda : Apabila salah seorang kamu menunaikan solat ke arah sesuatu yang menutupinya daripada manusia, maka jika ada seseorang mahu melintasi hadapannya, hendaklah ia halang. Jika sekiranya ia tetap melaluinya maka hendaklah diperangi kerana sesungguhnya ia adalah syaitan.*

5.3 Memakan Makanan Yang Berbau Sebelum Pergi Ke Masjid

Dilarang memakan makanan-makanan yang berbau seperti bawang, petai dan sebagainya sebelum pergi ke masjid bagi menghindarkan ketidakselesaan di kalangan jemaah. Rasulullah s.a.w bersabda :

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
مَنْ أَكَلَ ثُومًا أَوْ بَصَلًا فَلْيَعْتَزِلْنَا أَوْ لِيَعْتَزِلْ مَسْجِدَنَا وَلِيَقْعُدْ فِي
بَيْتِهِ

(رواه البخارى)

Maksudnya : *Daripada Jabir bin Abdillah r. a daripada Nabi s.a.w bersabda : Sesiapa yang memakan bawang putih atau bawang merah hendaklah ia menjauhi kami atau menjauhi masjid kami agar ia duduk di rumahnya.*

5.4 Bersyair, Berjual Beli dan Berhimpun Di Dalam Masjid Sebelum Solat

Seseorang yang berada di dalam masjid adalah dilarang daripada bersyair, berjual beli dan berhimpun (berlingkungan) membincangkan perkara-perkara keduniaan. Rasulullah s.a.w bersabda :

عَنْ عَمْرٍو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ نَهَى عَنْ تَنَاشُدِ الْأَشْعَارِ فِي الْمَسْجِدِ وَعَنْ
الْبَيْعِ وَالِإِشْتِرَاءِ فِيهِ وَأَنْ يَتَحَلَّقَ النَّاسُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ قَبْلَ الصَّلَاةِ

(رواه الترمذي)

Maksudnya : *Daripada Amru bin Syaib, daripada bapanya, daripada datuknya bahawa Rasulullah s.a.w menegah dari menyampaikan syair* dan berjual beli di dalam masjid dan menegah daripada duduk berhimpun di dalam masjid sebelum solat.*

* Syair yang dilarang itu ialah yang menyairkan perkara batil (bukan kebenaran) yang tiada layak dilakukan di dalam masjid (seperti memuja kebendaan dan hawa nafsu). Sebaliknya harus bila syair itu memuji perkara keagamaan dan Syariat Islam.

5.5 Meninggikan Suara Ketika Berada Di Dalam Masjid

عَنْ السَّائِبِ بْنِ يَزِيدَ قَالَ: كُنْتُ نَائِمًا فِي الْمَسْجِدِ، فَحَصَبَنِي
رَجُلٌ، فَنَظَرْتُ فَإِذَا عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ، فَقَالَ: إِذْهَبْ فَأُتِنِي
بِهَدْيَيْنِ، فَجِئْتُهُ بِهِمَا، قَالَ مَنْ أَنْتُمَا، أَوْ مِنْ أَيْنَ أَنْتُمَا؟ قَالَا مِنْ

أَهْلِ الطَّائِفِ، قَالَ لَوْ كُنْتُمَا مِنْ أَهْلِ الْبَلَدِ لَأَوْجَعْتُكُمَا، تُرْفَعَانِ
أَصْوَاتَكُمَا فِي مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

(رواه البخارى)

Maksudnya : *Daripada Saib bin Yazib telah berkata : “ Saya pernah tidur di masjid, tiba-tiba ada seseorang melempar saya dengan anak batu, maka saya lihat yang melempar itu ialah Saidina Umar Al-Khattab (r.a). Lalu Umar (r.a) berkata : Bawalah dua orang itu kepadaku di sini !. Lalu saya pun bawakan kedua-dua orang itu kepadanya, maka dia bertanya kepada mereka berdua : Siapakah kamu berdua?. Mereka menjawab : Kami dari Negeri Thoif Umar (r.a) berkata : Kalau kamu berdua ini berasal daripada negeri ini, pastinya aku sudah sakiti kamu berdua. Patutkah kamu mengangkat suara kamu di dalam masjid Rasulullah s.a.w?”.*

5.6 Berhias dan Memakai Bau-Bauan Bagi Wanita Ketika Pergi Ke Masjid

Rasulullah s.a.w tidak melarang kaum wanita ke masjid tetapi mereka hendaklah menjaga adab-adab semasa ke masjid bagi mengelakkan daripada berlakunya fitnah. Oleh itu, hendaklah memakai pakaian yang sederhana dan tidak memakai bau-bauan. Sabda Rasulullah s.a.w :

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدِ الْجُهَنِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ لَا تَمْنَعُوا إِمَاءَ اللَّهِ الْمَسَاجِدَ اللَّهُ وَلِيْخْرُجْنَ تَفِلَاتٍ

(رواه أحمد)

Maksudnya : *Daripada Zaid Bin Khalid Al-Juhani berkata, Rasulullah s.a.w telah bersabda ; Jangan kamu melarang (kaum wanita) hamba Allah pergi ke masjid, dan hendaklah mereka keluar dari rumahnya dengan memakai pakaian yang sederhana (tidak memakai bau-bauan).*

6. PERATURAN-PERATURAN BAGI ORANG BUKAN ISLAM

Masjid dan surau adalah tempat umat Islam melaksanakan ibadah solat serta aktiviti keagamaan. Namun bagi orang bukan Islam, terdapat peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi untuk memasuki masjid dan surau bagi mengelakkan daripada berlaku sebarang fitnah sebagaimana berikut :

6.1 Had Lokasi / Had Ruangan Masjid dan Surau.

- i) Orang bukan Islam tidak dibenarkan memasuki ruang solat utama. **Erti ruang solat utama ialah dewan solat yang** secara 'urufnya kawasan solat berjemaah 5 waktu yang terdapat mihrab imam.

6.2 Adab Ketika Memasuki Masjid dan Surau

- i) Hendaklah memastikan diri dalam keadaan bersih daripada sebarang najis.
- ii) Hendaklah berpakaian menutup aurat dan sopan serta tidak memakai pakaian yang disifatkan berunsurkan agama lain.
- iii) Hendaklah berkelakuan sopan dan tidak meninggikan suara.
- iv) Tidak melakukan aktiviti atau upacara yang bercanggah dengan Islam seperti bertafakkur dan seumpamanya.

7. PERATURAN MENGADAKAN MAJLIS DI DALAM KAWASAN MASJID DAN SURAU

Masjid merupakan tempat ibadah dan pelaksanaan aktiviti keagamaan masyarakat Islam. Bagi memastikan keharmonian dan perpaduan masyarakat, pihak pengurusan masjid dan surau hendaklah memastikan majlis-majlis yang dilaksanakan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Enakmen dan Kaedah seperti berikut :

- 7.1 Majlis tidak terlibat dengan aktiviti politik kepartian.
- 7.2 Tidak mengeluarkan ucapan yang berbaur politik kepartian atau unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti mana-mana pihak.
- 7.3 Tidak menggunakan sebarang lambang parti politik di dalam dan di kawasan masjid dan surau.
- 7.4 Tidak berlaku percampuran di antara lelaki dan perempuan.
- 7.5 Hendaklah berpakaian menutup aurat.
- 7.6 Dilarang menggunakan sebarang alat muzik di dalam ruang solat utama masjid dan surau.
- 7.7 Dilarang merokok.
- 7.8 Hendaklah bersopan dalam kelakuan dan percakapan.

8. MASJID SEBAGAI PUSAT SEHENTI (ONE STOP CENTRE)

Dalam usaha menjadikan masjid sebagai pusat ibadah umat Islam, pusat ilmu, komuniti dan perpaduan ummah, masjid hendaklah berupaya melaksanakan perancangan dan aktiviti yang menjana kepada usaha pengimaran antaranya :

8.1 Masjid Sebagai Pusat Rujukan Dan Khidmat Masyarakat Setempat

- i) Menjadi pusat pembangunan keluarga Islam.
- ii) Menjadi pusat pembangunan sosial.
- iii) Menjadi pusat rujukan khidmat kebajikan.
- iv) Menjadi pusat pengumpulan maklumat dan banciaan fakir miskin, anak yatim dan lain-lain.
- v) Menjadi pusat memupuk hubungan di antara masyarakat.
- vi) Menjadi kemudahan perubatan dan kesihatan.
- vii) Menjadi pusat pengaduan awam.

8.2 Masjid Sebagai Pusat Ilmu dan Penyebaran Maklumat

- i) Mengadakan pengajian ilmu Islam.
- ii) Mengadakan tuisyen untuk anak-anak kariah.
- iii) Mengadakan kemudahan internet dan wi-fi.

- iv) Menjadi pusat penyebaran maklumat pentadbiran kerajaan dan pihak berkuasa agama.

8.3 Masjid Sebagai Pusat Sosio-Ekonomi

- i) Mewujudkan pusat koperasi umat Islam.
- ii) Menyediakan pusat makanan halal.
- iii) Melaksanakan kursus-kursus keusahawanan Islam.

8.4 Masjid Sebagai Pusat Dakwah dan Tarbiyyah

- i) Melaksanakan program cuti sekolah.
- ii) Mengadakan forum-forum dan ceramah sambutan hari kebesaran umat Islam.

- iii) Mengadakan program penyebaran risalah Islam.
- iv) Mengadakan program amar ma'ruf nahi munkar.
- v) Mengadakan program ziarah dan lawatan.

8.5 Masjid Sebagai Pusat Tarikan Pengunjung

- i) Menyediakan landskap dan keceriaan masjid yang menarik.
- ii) Menyediakan keselesaan tandas dan persekitaran yang bersih.
- iii) Menyediakan kemudahan musafir.
- iv) Menyediakan susun atur dalaman masjid yang menarik.
- v) Menyediakan kawasan riadah.
- vi) Menyediakan perpustakaan masjid.

9. MENGHINA PIHAK BERKUASA AGAMA

Seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 menyatakan bahawa mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah, atau mengingkari, melanggar, atau mempertikaikan perintah atau arahan:-

- (a) Duli Yang Maha Mulia Sultan atas sifat Baginda sebagai Ketua Agama Islam;
- (b) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS);
- (c) Mufti, yang dinyatakan atau diberikan fatwa,

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

10. PENUTUP

Berdasarkan kepada peraturan, adab-adab dan larangan-larangan bagi orang Islam dan orang bukan Islam hendaklah dipatuhi bagi menjadikan masjid dan surau sebagai tempat yang suci dan mulia. Umat Islam hendaklah sentiasa memakmurkan masjid dan surau dengan mengadakan program dan aktiviti yang sesuai dan selari dengan kehendak Islam.

Disediakan oleh :

Bahagian Pengurusan Masjid

Jabatan Agama Islam Selangor

Tarikh : 10 September 2012